



Frasa

Frasa Nama


Disediakan oleh: Kumpulan 2

Lim Ting Len
Jackwarior Jackol
Nur Anisah Binti Majit
Muhammad Taufiq Bin Amin

Frasa


Takrif Frasa


1. Satu susunan atau binaan yang mengandungi sekurang-kurangnya sepatah perkataan yang berpotensi untuk diperkembangkan.
2. 2 konstituen/unsur/perkara dalam ayat dasar bahasa melayu.
3. Boleh digunakan untuk membina ayat.
4. Merupakan satu konstituen kepada ayat.



CONTOH FRASA DALAM AYAT :

- o *Burung merpati terbang melayang.*
- o *Anak kecil itu sedang tidur.*
- o *Zainal mengahwini anak Pak Haji Ishak.*
- o *Polis memburu penjenayah di hutan rimba itu.*
- o *Di dalam gua itu tersimpan harta karun.*





BINAAN FRASA NAMA

- Binaan FN boleh terbentuk daripada satu perkataan atau beberapa perkataan
- Jika dibentuk oleh sederetan perkataan, terdapat dua jenis hubungan antara perkataan-perkataan itu :
 - i. Inti + Penerang
 - ii. Inti + Inti

1. Inti + Penerang

- * Satu perkataan menjadi inti bagi seluruh FN itu iaitu unsur yang diberi penumpuan makna dan mewakili seluruh frasa itu dari segi makna
- * Perkataan atau perkataan-perkataan lain menjadi penerang atau penerang-penerangnya iaitu unsur yang menerangkan makna dalam inti itu

Contoh :

Inti	Penerang	Predikat
Guru	sekolah rendah itu	guru saya
Askar	Melayu Diraja	Berbaris di padang

a) Inti + Penerang Nama (PN)

Bil	Inti	Jenis Penerang Nama
1	Pelajar	India (PN Keturunan)
2	Harimau	bintang (PN Jenis)
3	Pengarah	maktab (PN Penyambut)
4	Sabun	mandi (PN Kegunaan)
5	Ayam	jantan (PN Kelamin)
6	Pinggir	bandar (PN Tempat)
7	Angin	selatan (PN Arah)
8	Gelang	kaki (PN Anggota Badan)
9	Dapur	gas (PN Tenaga Penggerak)
10	Majlis	Perasmian (PN Perihal / Perkara)
11	Keluaran	Malaysia (PN Milik)
12	Planet	Musytari (PN Khas)
13	Doktor (PN Panggilan Gelaran)	Rahmah (Inti)

b) Inti + Penerang Bukan Nama (PBN)

i. Penerang penentu

- Penentu hadapan (*lima orang murid*)
- Penentu belakang (*calon ini*)

ii. Penerang kata kerja atau akar kata kerja (*mesin jahit, meja tulis, tarikh lahir*)

Sambungan..

iii. Penerang Kata adjektif
(penutur asli, kulit tulen)

iv. Penerang Frasa Sendi Nama
(kiriman daripada abang, rumah di desa)

v. Penerang bilangan ordinal
(tingkat ketujuh, anak pertama, bab kelima)

2. Inti + Inti

- * Terdiri daripada dua unsur inti di dalamnya
- * Tidak mempunyai unsur penerang kerana makna keseluruhan FN itu didukung oleh kedua-dua kata nama inti.
- * Binaan jenis ini tidak mempunyai makna penerang

Dua golongan FN dari jenis ini :

Inti	Inti	Makna yang didukung
Tubuh Wang	badan ringgit	dengan maksud sama erti
Kerusi Ibu	Meja bapa	dengan maksud lawan erti

Susunan Konstituen Frasa Nama

- Peraturan *mengatur susunan* kedudukan konstituen-konstituen dalam pembinaan FN iaitu apa yang hadir *dahulu* dan apa yang *kemudian*

i. Peraturan D - M (Hukum D - M)

- Diterangkan (D) dan menerangkan (M)
- Unsur yang diterangkan merupakan unsur inti dan hadir pada kedudukan pertama
- Unsur menerangkan merupakan unsur penerang, hadir pada kedudukan yang kedua
- Contoh : orang muda, guru bahasa, pam angin, baju tidur, kelapa parut, telur ayam, ayam telur dan lain-lain.

ii. Kekecualian Hukum D - M

- Penerang (M) mendahului unsur yang diterangkan
- Berlaku akibat kebiasaan dalam penggunaan terutama pada nama-nama jawatan
- Contoh : Perdana Menteri, Timbalan menteri, naib presiden, ibu pejabat, timbalan pengurus dan lain-lain.

iii. Bilangan dan Panggilan

Unsur penerang yang menunjukkan bilangan atau nama panggilan dan gelaran, penerang boleh mendahului inti (hadir di hadapan FN)

Bilangan	Penjodoh Bilangan	Inti
Dua	Orang	calon
Beberapa	Butir	bintang
Lima	buah	rumah

Sambungan..

Unsur penerang yang menunjukkan bilangan atau nama panggilan dan gelaran, penerang boleh mendahului inti (hadir di hadapan FN).

Panggilan / gelaran	Inti
Puan	Khadijah
Tun	Abdul Razak
Tuan Haji	Abg. Mohd. Daud

iv. Penerang

Inti mempunyai penerang lebih daripada satu.

a. Inti + Penerang adjektif + Penerang + Penentu belakang

Inti	Penerang Adjektif	Penerang kata nama	Penentu Belakang
Pintu	besar	dewan	itu
Kereta	baharu	ibu	ini
Pegawai	tinggi	polis	itu
Baju	Tebal	Orang	Ini



Sekian, terima kasih.